

16 MAY 2001

Razali-Meninggal (Bergambar)

BEKAS MB SELANGOR AHMAD RAZALI MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Ahmad Razali Mohamed Ali meninggal dunia hari ini kerana sakit jantung di Institut Jantung Negara (IJN) di sini. Allahyarham berumur 72 tahun.

Beliau meninggal dunia pukul 10 pagi ini setelah dimasukkan ke IJN pukul 8 malam tadi apabila beliau mengadu sakit dada, menurut seorang pembantunya.

Allahyarham adalah adik kepada Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jenazah allahyarham dijangka dikebumikan di Tanah Perkuburan Ampang selepas solat Asar hari ini.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah adalah antara mereka yang menziarahi jenazah Allahyarham di kediamannya di Taman Tun Abdul Razak, Ampang Jaya.

Perdana Menteri dan isteri serta anak-anak mereka yang tiba pada 12.10 tengah hari, membaca surah Yassin dan berada di situ kira-kira sejam.

Menurut anak Allahyarham, Ahmad Razlan, 29, ibunya Puan Sri Wan Mah Rejab berada di sisi ketika Allahyarham bapanya menghembuskan nafas terakhir.

Allahyarham meninggalkan dua anak lelaki dan dua anak perempuan.

Semasa hayatnya, Ahmad Razali merupakan tokoh politik yang aktif dalam Umno sejak parti itu dipimpin oleh Allahyarham Datuk Onn Jaafar pada tahun 1946.

Allahyarham yang masih remaja ketika itu dilantik menjawat jawatan Setiausaha Pemuda Umno Cawangan Pudu selama dua tahun pada 1949 dan 1950.

Dari 1950 hingga 1964, beliau berkhidmat kepada masyarakat sebagai penghulu di beberapa kawasan di Kuala Lumpur seperti Hulu Klang, Ampang dan Setapak.

Ahmad Razali bagaimanapun meninggalkan jawatan penghulu yang disandangnya selama 14 tahun itu apabila dilantik menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Selangor ketika itu, Datuk Harun Idris, pada 1964.

Allahyarham pertama kali menjadi wakil rakyat apabila memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kampung Baru pada pilihan raya kecil 1967 dan mengekalkannya pada pilihan raya kebangsaan 1969.

Allahyarham berpindah kawasan ke Dengkil pada pilihan raya 1974 dan dua tahun kemudian dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Selangor.

Ahmad Razali memangku jawatan Menteri Besar Selangor pada 1979.

Pada pilihan raya umum 1982, beliau memenangi kerusi DUN Ampang dengan majoriti terbesar apabila mendapat 29,348 undi mengalahkan calon PAS Karim Jamal yang memperolehi 4,356 undi.

Berikutan kemenangan besar itu, Ahmad Razali dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baru pada 4 Mei 1982 sehingga beliau melepaskan jawatan itu pada Ogos 1986 atas alasan ingin berehat dan memberi peluang kepada orang baru.

Walaupun telah melepaskan jawatan Menteri Besar, Allahyarham terus aktif dalam perjuangan Umno sebagai Ketua Umno Bahagian Ampang Jaya pada 1988.

Pada Mac lepas, Ahmad Razali turut disenaraikan sebagai seorang anggota dilantik Lembaga Disiplin Umno.

Selain penglibatannya dalam politik, Ahmad Razali, anak bongsu daripada 10 beradik, juga pernah menjadi pengerusi beberapa syarikat termasuk Central Holdings Berhad, Kumpulan Peransang Berhad, Golden Plus Holdings

Bhd, Negara Properties Sdn Bhd, Setron (M) Bhd dan Lembaga Tabung Haji.

Allahyarham, yang dilahirkan pada 10 Dis 1928, pernah dilantik sebagai Presiden Persatuan Sepaktakraw Malaysia pada 1981 dan Presiden Sepaktakraw Asia pada tahun berikutnya.

Dari 1982 hingga 1989, Ahmad Razali menjadi Presiden Persatuan Bolasepak Selangor.

Pada 1990, beliau dirawat di Hospital Besar Kuala Lumpur setelah mengalami serangan jantung dan kesukaran bernafas semasa menghadiri Perhimpunan Umno.

-- BERNAMA

NHA AHH NAK